



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“

# KERATAN AKHBAR KESUMA”

”

RABU  
1 April 2026



## 1.64 juta pekerja gig kini dilindungi di bawah Akta Pekerja Gig 2025

**PUTRAJAYA:** Akta Pekerja Gig 2025 (Akta 872) yang mula dikuatkuasakan semalam akan memberi manfaat kepada lebih 1.64 juta pekerja yang terlibat dalam ektor ekonomi itu.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri R. Ramanan berkata, mereka kini mempunyai perlindungan perundangan yang lebih jelas termasuk ketelusan perjanjian perkhidmatan, kadar pendapatan yang dipersetujui, larangan diskriminasi, perlindungan keselamatan sosial melalui Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso).

"Ini termasuk perlindungan keselamatan dan kesihatan pekerjaan serta mekanisme penyelesaian pertikaian yang lebih teratur melalui Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM) serta Tribunal Pekerja Gig. "Selepas Akta ini dikuatkuasakan, pekerja gig akan kekal bekerja secara fleksibel dan akta ini tidak akan mengganggu ekosistem gig itu sendiri," katanya dalam sidang akhbar di sini semalam.

Menurut beliau, dengan penguatkuasaan Akta 872, individu yang terlibat dalam sektor tersebut bakal mendapat manfaat melalui perlindungan hak pekerja, ketelusan perjanjian, mekanisme penyelesaian pertikaian yang jelas serta perlindungan keselamatan sosial.

"Berbanding negara-negara seperti Singapura, Indonesia dan Filipina yang masih mem-



**R. Ramanan (tengah) bersama sebahagian daripada wakil pekerja dalam ekonomi gig pada sidang akhbar mengumumkan penguatkuasaan Akta Pekerja Gig 2025 (Akta 872) di Kuala Lumpur, semalam.**

perkenalkan perlindungan pekerja gig secara berperingkat atau terhad kepada sektor tertentu, Malaysia mengambil pendekatan lebih menyeluruh dengan memperkenalkan kerangka perundangan khusus bagi melindungi pekerja gig secara komprehensif," katanya.

Terma pekerja gig merujuk kepada tiga perkara utama iaitu seorang warganegara atau pemastautin tetap di Malaysia, orang yang membuat perjanjian dengan entiti kontrak sama ada penyedia platform atau tanpa platform dan menerima pendapatan atau bayaran bagi setiap perkhidmatan yang telah diberikan.

Pekerja gig yang membuat perjanjian perkhidmatan dengan penyedia platform ialah pekerja e-hailing dan p-hailing,

manakala pekerja gig tanpa platform merujuk kepada pekerja gig dari sektor perkhidmatan seperti lakonan, aktiviti perfileman dan muzik, terjemahan, kewartawanan, penjagaan dan lain-lain seperti yang disenaraikan di bawah jadual kepada akta tersebut.

Dalam pada itu, Ramanan berkata, Kementerian Sumber Manusia (Kesuma) telah melantik seramai 26 anggota Majlis Perundingan Gig (MPGig) yang terdiri daripada pelbagai latar belakang dan pengalaman yang akan berkuatkuasa mulai 1 April.

Menurutnya, mesyuarat MPGig pertama akan berlangsung pada 3 April ini bagi membincangkan isu kadar pendapatan pekerja gig yang menjadi antara masalah utama yang sering

dibangkitkan oleh pekerja gig.

Dalam pada itu katanya, kesemua penyedia platform ekonomi gig diberi tempoh masa antara tiga hingga enam bulan bagi melaksanakan integrasi sistem untuk caruman pekerja gig dengan Perkeso.

Terdahulu, menerusi taklimat media berhubung penguatkuasaan Akta 872 bagi fokus perlindungan sosial, pekerja gig akan mencarum pada kadar 1.25 peratus secara automatik daripada setiap transaksi tugas tanpa mengganggu tips atau ganjaran e-hailing dan p-hailing.

Caruman itu akan diproses secara automatik oleh penyedia platform sebelum disalurkan melalui integrasi sistem kepada Perkeso.



<b>Akhbar</b>	<b>Harian Metro</b>
<b>Tarikh</b>	<b>1 April 2026</b>
<b>Ruang</b>	<b>Lokal</b>
<b>Muka Surat</b>	<b>17</b>

Harian **Metro**

## Akta Pekerja Gig 2025 lindungi hak 1.64 juta individu

**Putrajaya:** Akta Pekerja Gig 2025 (Akta 872) yang bertujuan melindungi pekerja gig secara komprehensif, dikuatkuasakan mulai semalam.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Ramanan Ramakrishnan berkata, akta itu memberi manfaat kepada 1.64 juta individu yang terbahit dalam ekonomi gig di Malaysia melalui perlindungan hak pekerja, ketulusan perjanjian, mekanisme penyelesaian pertikaian yang jelas serta perlindungan keselamatan sosial.

Katanya, sebelum akta itu diluluskan di Parlimen, Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) sudah mengadakan 37 siri Sesi Libat Urus membabitkan kira-kira 3,873 peserta daripada agensi kerajaan, kesatuan sekerja, persekutuan majikan, persatuan, penyedia platform, majikan, pekerja gig dan ahli akademik serta warga universiti.

Selain itu katanya, pandangan daripada semua pihak turut diambil kira termasuk ulasan daripada Kementerian Pengangkutan, Kementerian Digital dan Kementerian Ekonomi.

"Akta Pekerja Gig juga telah dibentangkan beberapa kali kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen yang dianggotai oleh Ahli Parlimen di Dewan Rakyat bagi mendapatkan pandangan maklum balas dan input daripada pelbagai pihak berkepentingan sebelum dibentangkan dan diluluskan di Parlimen.

"Oleh itu, tidak timbul isu Akta ini digubal dan dilaksanakan secara tergesa-gesa oleh sesetengah pihak," katanya pada sidang media selepas Sesi Taklimat Penguatkuasaan Akta 872 di Menara PERKESO, semalam.

Beliau berkata, bagi memudahkan pekerja gig, KESUMA telah menyediakan

sistem eAduan yang akan menjadi platform utama bagi penerimaan aduan, pertanyaan atau maklum balas daripada pekerja gig.

Katanya, sistem itu boleh dilayari di <https://eaduan-gig.mohr.gov.my/> dan boleh diakses mulai hari ini.

"Selain itu, selaras dengan dasar 'No Wrong Door Policy', pekerja gig juga boleh datang ke mana-mana jabatan atau agensi di bawah KESUMA untuk membuat aduan.

"Melalui sistem ini, setiap aduan yang diterima akan disemak, direkod dan disalurkan kepada jabatan atau agensi kerajaan yang berkaitan untuk diambil tindakan lanjut.

"Proses ini bertujuan untuk memastikan pengurusan aduan dapat dilaksanakan secara lebih sistematik, telus dan teratur dengan sasaran penyelesaian aduan dalam tempoh maksimum 21 hari bekerja tertakluk kepada jenis dan kerumitan kes yang dilaporkan," katanya.

"Proses ini bertujuan untuk memastikan pengurusan aduan dapat dilaksanakan secara lebih sistematik, telus dan teratur dengan sasaran penyelesaian aduan dalam tempoh maksimum 21 hari bekerja tertakluk kepada jenis dan kerumitan kes yang dilaporkan," katanya.

## Akta Pekerja Gig 2025 dilancar, lebih 1.64 juta terima manfaat



RAMANAN

**PUTRAJAYA** - Akta Pekerja Gig 2025 (Akta 872) secara rasminya mula berkuatkuasa pada Selasa, dengan anggaran lebih 1.64 juta individu yang terlibat dalam ekonomi gig di negara ini menerima pelbagai manfaat.

Ia meliputi perlindungan hak pekerja, ketelusan perjanjian perkhidmatan, larangan diskriminasi, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, jaminan keselamatan sosial melalui Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) serta mekanisme penyelesaian pertikaian yang jelas menerusi Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM) dan Tribunal Pekerja Gig.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri R Ramanan berkata, pekerja gig kini tidak perlu khuatir kerana akta menyediakan perlindungan perundangan yang holistik dan golongan tersebut akan kekal bekerja secara fleksibel, malah Akta 872 juga tidak meng-

ganggu ekosistem gig itu sendiri.

Menurut beliau, Malaysia mengambil pendekatan ini selepas mengadakan kajian memahami amalan global seperti Amerika Syarikat, Singapura dan India sebelum memperkenalkan kerangka perundangan khusus bagi melindungi pekerja gig secara komprehensif.

Ramanan turut mendefinisikan pekerja gig kepada tiga perkara utama iaitu individu mesti warganegara atau pemastautin tetap (PR) di Malaysia, membuat perjanjian dengan entiti kontrak sama ada penyedia platform mahupun tanpa platform dan menerima pendapatan bagi setiap perkhidmatan.

"Contoh pekerja gig yang membuat perjanjian perkhidmatan dengan penyedia platform ialah pekerja e-hailing dan p-hailing, manakala pekerja gig tanpa platform merujuk kepada golongan dalam sektor lakonan, perfileman, muzik, terjemahan, ke-

wartawanan dan lain-lain seperti yang disenaraikan di bawah Jadual Akta 872," katanya.

Ramanan menambah, Majlis Perundingan Gig (MPGIG) yang merupakan platform triparti antara wakil kerajaan, pekerja gig dan entiti kontrak turut ditubuhkan dalam akta berkenaan.

Jelasnya, ia berperanan menasihati dan membuat syor kepada kerajaan berkaitan kadar pendapatan minimum, formula serta standard minimum yang bakal diguna pakai berdasarkan sektor, wilayah serta jenis pekerja gig.

"Ia juga berfungsi sebagai platform dialog, rundingan dan khidmat nasihat tentang dasar serta isu-isu berbangkit dalam sektor gig yang melibatkan pemegang taruh," katanya.

Kementerian turut melantik 26 anggota MPGIG berkuat kuasa 1 April, dan majlis itu dijadual bermesyuarat pada 3 April ini.

## Lebih 1.64 juta pekerja gig dilindungi

- Akta Pekerja Gig 2025 berkuat kuasa semalam
- Perlindungan hak pekerja, ketelusan perjanjian

**PUTRAJAYA** – Akta Pekerja Gig 2025 (Akta 872) yang mula dikuatkuasakan semalam memberi manfaat kepada lebih 1.64 juta individu yang terlibat dalam sektor ekonomi berkenaan.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri R. Ramanan berkata, akta itu satu langkah penting dalam memastikan pekerja dalam ekonomi gig mendapat perlindungan perundangan asas selaras dengan perubahan landskap pekerjaan masa kini.

Menurutnya, dengan penguatkuasaan Akta 872, individu terlibat dalam sektor tersebut bakal mendapat manfaat melalui perlindungan hak pekerja, ketelusan perjanjian, mekanisme penyelesaian pertikaian yang jelas serta perlindungan keselamatan sosial.

"Hari ini (semalam), Malaysia melangkah ke hadapan dalam membentuk masa depan dunia pekerjaan di rantau ini melalui



**RAMANAN** pada sidang akhbar penguatkuasaan Akta Pekerja Gig 2025 di Putrajaya semalam.

penguatkuasaan Akta Pekerja Gig 2025.

"Berbanding negara-negara seperti Singapura, Indonesia dan Filipina yang masih memperkenalkan perlindungan pekerja gig secara berperingkat atau terhad kepada sektor tertentu, Malaysia mengambil pendekatan

yang lebih menyeluruh dengan memperkenalkan kerangka perundangan khusus bagi melindungi pekerja gig secara komprehensif.

"Pendekatan ini meletakkan Malaysia dalam kelompok negara di Asia yang mendahului usaha memperkenalkan perlindungan

undang-undang khusus kepada pekerja gig," katanya pada sidang akhbar penguatkuasaan Akta Pekerja Gig 2025 di sini semalam.

Terma pekerja gig merujuk kepada warganegara atau pemastautin tetap di Malaysia, individu yang membuat perjan-

jian dengan entiti kontrak sama ada penyedia platform atau tanpa platform dan menerima pendapatan atau bayaran bagi setiap perkhidmatan yang telah diberikan.

Pekerja gig yang membuat perjanjian perkhidmatan dengan penyedia platform ialah pekerja e-hailing dan p-hailing, manakala pekerja gig tanpa platform merujuk kepada pekerja dari sektor perkhidmatan seperti lakonan, aktiviti perfileman dan muzik, terjemahan, kewartawanan dan penjajaan.

Mengulas lanjut, Ramanan berkata, penguatkuasaan akta itu juga mencerminkan komitmen kerajaan Madani untuk memastikan kemajuan ekonomi digital bergerak seiring dengan perlindungan dan kesejahteraan pekerja.

"Selepas akta ini dikuatkuasakan, pekerja gig akan kekal bekerja secara fleksibel dan akta ini tidak akan mengganggu ekosistem gig itu sendiri," katanya.

Dalam pada itu, Ramanan berkata, Kementerian Sumber Manusia (Kesuma) telah melantik seramai 26 anggota Majlis Perundingan Gig (MPGig) yang terdiri daripada pelbagai latar belakang dan pengalaman berkuat kuasa hari ini.



<b>Akhbar</b>	<b>New Straits Times</b>
<b>Tarikh</b>	<b>1 April 2026</b>
<b>Ruang</b>	<b>Nation</b>
<b>Muka Surat</b>	<b>2</b>



## AMONG THE FIRST IN ASIA

# Landmark Gig Workers Act comes into force

**PUTRAJAYA:** The Gig Workers Act came into force yesterday, extending legal protections to an estimated 1.64 million gig workers in Malaysia and placing the country among the first in Asia to introduce comprehensive gig-specific legislation.

Human Resources Minister Datuk Seri R. Ramanan said the act was the result of a collaborative effort involving the Social Security Organisation (Perkeso), non-governmental organisations representing the gig sector, trade unions, academics and media partners.

Ramanan dismissed suggestions that the act was rushed, saying the process was thorough and consultative from the outset.

He said the drafting process, which began in 2024, involved 37 engagement sessions with 3,873 participants from government agencies, trade unions, employer federations, associations, platform providers, employers, gig workers, academics and univer-

sity members across Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak.

Under the act, gig workers now have clearer legal protections, including transparency in service agreements, agreed income rates, a prohibition on discrimination, social security coverage through Perkeso, occupational safety and health protection and a structured dispute resolution mechanism through the Industrial Relations Department and a dedicated Gig Workers Tribunal.

“After this act is enforced, gig workers will continue to work flexibly. The act will not disrupt the gig ecosystem itself,” Ramanan said at Menara Perkeso.

He addressed misinformation circulating on social media, clarifying that claims suggesting foreign workers would be covered under the act were false.

“It applies only to citizens and permanent residents. Citizens and permanent residents. Full stop.”

A key feature of the act is the establishment of the Gig Consul-

tative Council (MPGig), a tripartite platform comprising government representatives, gig workers’ representatives and contracting entity representatives.

The council, which will have 26 members from diverse backgrounds and experience across the gig ecosystem, will advise the government on minimum income rates, formulas and minimum standards applicable by sector, territorial area, type of gig work or service.

MPGig will also have powers to collect and analyse data and conduct research on gig-related matters at both domestic and international levels. Its appointments take effect from today, with its first meeting scheduled for Friday.

Ramanan said gig workers’ income rates would be the first agenda item to be discussed and negotiated through the council.

He said platforms operating in Malaysia’s gig economy had three to six months to integrate their systems with Perkeso.

# Ramanan: M'sia paves way with Gig Worker Act

## New law ensures legal protection for 1.64 million individuals nationwide

By QISTINA SALLEHUDDIN  
newsdesk@thestar.com.my



**PUTRAJAYA:** Malaysia is ahead in shaping the future of the gig economy by providing a comprehensive legal framework for gig workers here compared to many of its regional peers, says Datuk Seri R. Ramanan (*pic*).

The Human Resources Minister said that the Gig Workers Act 2025, which came into force yesterday, marks a significant step in ensuring that workers in the sector receive basic legal protection in line with the evolving employment landscape.

"An estimated 1.64 million individuals involved in Malaysia's gig economy stand to benefit through clearer worker rights, transparent agreements, structured dispute resolution mechanisms and improved social security protection under the Act.

"This reflects the government's commitment to ensuring that digital economic progress goes hand in hand with workers' protection and well-being, positioning Malaysia as a reference model for a fairer, more inclusive and sustainable gig economy," he said at a press conference yesterday.

He said countries such as Singapore, Indonesia and the Philippines are gradually introducing laws for such workers, though these are limited to certain sectors.

Under the Act, Ramanan said gig workers can now lodge complaints on issues such as payments, account suspensions or breaches of service agreements.

He added that the ministry has also introduced an e-Aduan system as an online platform to receive complaints, enquiries and feedback.

"In line with the No Wrong Door Policy, gig workers can also submit complaints at any department or agency under the ministry, where all complaints will be

reviewed, recorded and channelled to the relevant agencies for action," he said.

Ramanan added that complainants will also be able to track their cases, which will be resolved within 21 working days.

"If disputes cannot be resolved through internal channels and conciliation at the Industrial Relations Department, they will be referred to the Gig Workers Tribunal, which provides a fair, independent and efficient avenue for resolution," he said.

He added that a Gig Advisory Council has been established with 26 members from various backgrounds.

The council, which begins its duties today, will serve as a tripartite platform involving representatives from the government, gig workers and contracting entities.

Ramanan said that the council will also advise on minimum income rates, formulas and standards based on sectors, regions and types of services.

"It will also serve as a platform for dialogue, consultation and advice on policies and issues in the gig sector involving relevant stakeholders.

"This approach allows a minimum income rate to be determined through a more dynamic and fair mechanism based on current economic data," he said.

He added that the setting up of the Malaysian Gig Economy Commission (SEGEM) will also provide the legal foundation to better protect the rights and welfare of workers in the sector.

WATCH THE  
**VIDEO**  
TheStarTV.com



## Gig platforms given six months' grace for PERKESO compliance

**PUTRAJAYA:** Gig economy platform providers must seriously consider integrating their systems with the Social Security Organisation (PERKESO) to enable mandatory social security contributions for gig workers under the Gig Workers Act 2025, says Datuk Seri R. Ramanan.

The Human Resources Minister said that while the Act is now in force, the government is adopting a pragmatic approach by allowing providers a three- to six-month window to make the necessary adjustments, particularly on the technical side.

He said notices were issued to all platform providers in March last year and that such matters had been discussed extensively with industry players through several engagement sessions.

"We had many sessions together with them discussing the matter. In our last session, I also said we have a three- to six-month window because when there is change, there must be time to adapt.

"It is perfectly fine for you to take that

time, as long as you are taking the necessary steps to adapt," he said at a press conference following the enforcement of the Act yesterday.

Under the Act, social security contributions for injury and occupational diseases will become mandatory for all gig workers, with a rate of 1.25% for each completed task or transaction.

Platforms must now link their systems with PERKESO to enable automatic deductions, replacing the previously voluntary Self-Employed Social Security Scheme, now known as Lindung Kendiri.

He said the government would not rush to take enforcement action immediately, but stressed that compliance is expected.

"We are not going to immediately go after you if you are not doing it tomorrow.

"But we have given ample time, and we are being reasonable by giving that period.

"However, once the Act comes into force, it (the system) must be enforced and taken seriously," Ramanan said.